

04 APRIL 2018

TPM kecewa pemimpin terlibat dadah

3

**NASIONAL**

# TPM kecewa pemimpin terlibat dadah

*Perkara itu akan dibawa ke mesyuarat bersama Perdana Menteri*

AZURA MOHAMAD

KUALA KRAI



**T**indakan seorang pemimpin Umno bahagian di Kuala Lumpur yang ditahan di sebuah pusat hiburan kerana terlibat penyalahgunaan dadah mengecewakan keseluruhan pucuk kepimpinan dan ahli parti.

Timbalan Perdana Menteri, yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu akan dibawa ke mesyuarat bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Walaupun mahkamah belum menjatuhkan hukuman beliau bersalah, tetapi perkara ini akan dibawa ke mesyuarat dan perbincangan bersama perdana menteri.

Ahmad Zahid menyampaikan kunci Rumah Kekal Banjir kepada 32 penerima di SMK Mengkebang, semalam.

"Tindakan akan dikenakan ke atas pemimpin terbabit mengikut undang-undang parti," katanya ketika hadir pada Majlis Pemimpin Bersama Masyarakat di Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkebang, semalam.

Turut Hadir, Ketua Umno Bahagian Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab Rahman, Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hasan serta kepimpinan parti setempat.

Ahmad Zahid berkata, insiden itu sedikit sebanyak akan memberikan kesan kepada BN di bahagian berkenaan.

"Bagaimanapun, kita akan pastikan perkara ini tidak begitu memberikan kesan berpanjangan kepada BN kawasan tersebut," katanya.

Kelmarin, seorang pemimpin politik bergelar Datuk berusia lewat 40-an ditahan polis kerana positif dadah di sebuah pusat hiburan di Jalan Imbi, kira-kira jam 2 pagi.

Suspek didapati positif dadah jenis amphetamine dan metamphetamine ditahan bersama tujuh lelaki dan seorang wanita tempatan serta dua wanita Indonesia.

Mereka ditahan Polis Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas ujian saringan air kencing.

**info** Tindakan akan dikenakan mengikut undang-undang parti

Sila layari [sinarharian.com.my](http://sinarharian.com.my)

## Rizalman beri penjelasan hari ini

KUALA LUMPUR - Ketua Umno Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar akan memberikan penjelasan pada satu sidang media di Pejabat Umno Bandar Tun Razak hari ini setelah namanya dikaitkan dengan kes dadah.

Beliau berkata, sidang media berkenaan akan dibuat jam 10 pagi ini.

"Saya sendiri akan jelaskan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tular sebelum ini mendakwa, Rizalman dikatakan telah ditangkap di kelab malam, Club de Vegas di Jalan Imbi, di sini dalam serbuan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya, awal pagi kelmarin.

Berdasarkan tular itu, beliau dan beberapa lagi rakanannya dikatakan positif dadah.

Sementara itu, berita penahanan Rizalman yang juga Ahli Lembaga Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut mendapat reaksi daripada kepimpinan Umno cawangan.

Salah seorang Ketua Umno Cawangan di kawasan Bandar Tun Razak, Zaharin Mohd Yasin menerusi perkongsian status di *Facebook* peribadinya meminta orang ramai menyerahkan siasatan kepada polis.

Dakwa Zaharin, pihak berkuasa tidak menjumpai sebarang dadah ketika serbuan berkenaan yang boleh membuktikan Rizalman seorang penagih.

"Maka tidaklah diketahui sesiapa yang mencampuri dadah dalam minuman dan pihak polis tidak menyebut bahawa contoh air minuman yang berada dalam bilik itu telah dirampas bagi tujuan barang bukti.

"Kepada saya sendiri, saya menyedari bahawa Ketua Umno Bahagian saya memakan ubat secara berterusan penyakit yang beliau hadapi di mana beliau pernah dimasukkan ke hospital kerana penyakit itu.

"Bagi saya, biarlah polis menjalankan siasatan dahulu yang contoh air kencing perlu diuji dahulu oleh pihak lain seperti hospital. Pendedahan yang air kencingnya ada dadah hanya berdasarkan ukuran alat pengukur dan bukannya hasil ujian makmal," katanya.

Dalam masa sama difahamkan, kepimpinan Umno Bahagian Bandar Tun Razak akan melakukan pertemuan bagi membincangkan isu berkenaan.



RIZALMAN